



**GARIS PANDUAN
OPERASI TANAH PERKUBURAN ISLAM
WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN
DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 2021**

**BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

**GARIS PANDUAN OPERASI TANAH PERKUBURAN ISLAM
WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN DALAM TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERMULA 13 – 26 JANUARI 2021**

1. TUJUAN

Garis Panduan Operasi Tanah Perkuburan Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini disediakan untuk menjadi panduan kepada semua pegawai dan petugas dalam mengendalikan pelaksanaan operasi dan aktiviti di Tanah Perkuburan Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan (TPIWP) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Pada dasarnya, garis panduan ini perlulah diikuti dan dipatuhi untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan semua pihak bagi mencapai matlamat negara dalam mengawal penularan wabak COVID-19 ini.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1** Selaras dengan keputusan Kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 13 – 26 Januari 2021 di beberapa buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan bagi mengawal peningkatan mendadak kes penularan Covid-19 mutakhir ini, usaha ini wajar didokong oleh semua jabatan kerajaan dengan menyediakan garis panduan yang dapat membantu rakyat menjayakan pematuhan perintah yang berkuat kuasa.
- 2.2** Memandangkan PKP masih memberi ruang kelonggaran secara bertahap dengan merujuk kepada garis panduan tertentu, maka JAWI yang bertanggungjawab mengurus pentadbiran Tanah-Tanah Perkuburan Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan, menyediakan satu garis panduan menziarahi tanah-tanah perkuburan yang tertakluk di bawah kawal selia JAWI sepanjang tempoh ini.

3. PANDUAN AKTIVITI ZIARAH DAN MAJLIS PENGEBUMIAN

3.1 Syarat, Bilangan dan Tempoh Masa Yang Dibenarkan

- 3.1.1 Hanya mereka yang sihat dibenarkan masuk. Individu yang mempunyai gejala seperti demam, selsema, sakit tekak dan sesak nafas tidak dibenarkan masuk. Begitu juga mereka yang mengalami masalah kesihatan seperti kencing manis, darah tinggi, lelah dan sebagainya, tidak dibenarkan masuk.
- 3.1.2 Hanya **lima orang dari satu keluarga** dibenarkan masuk ke TPIWP dalam setiap sesi.
- 3.1.3 Bilangan orang yang dibenarkan masuk ke TPIWP hendaklah dihadkan kepada **20 orang** sahaja pada satu-satu masa.
- 3.1.4 Tempoh setiap sesi masa ziarah yang dibenarkan dihadkan kepada **15 minit** bagi setiap kumpulan.
- 3.1.5 Waktu ziarah yang dibenarkan adalah dari jam 9 pagi hingga 5 petang sahaja.
- 3.1.6 Bagi majlis pengebumian, kehadiran ahli keluarga dan waris hanya dihadkan kepada **10 orang sahaja**.

3.2 Panduan Sebelum Masuk Ke TPIWP

- 3.2.1 Kaunter di pintu masuk hendaklah diwujudkan bagi mengawal selia proses masuk dan keluar pengunjung. Setiap pengunjung perlu membawa kad pengenalan, mendaftarkan nama, diperiksa suhu badan, melakukan sanitasi tangan di samping sentiasa memastikan amalan penjarakan fizikal.
- 3.2.2 Mereka yang tidak memenuhi syarat kelayakan dan gagal mematuhi semua peraturan ini tidak dibenarkan masuk.

- 3.2.3 Para pengunjung mestilah sentiasa mematuhi arahan pengawal dan pegawai keselamatan.
- 3.2.4 Sebelum masuk ke TPIWP setiap pengunjung perlu dipastikan memakai pelitup muka (*face-mask*), telah menggunakan sanitasi tangan, membuat pemeriksaan suhu badan dan merekodkannya di dalam buku kehadiran yang disediakan.
- 3.2.5 Tidak dibenarkan membawa masuk peralatan ke tanah perkuburan seperti bunga, pokok, air siraman dan tikar. Makanan dan minuman juga tidak dibenarkan dibawa masuk.

3.3 Panduan Semasa Berada Di Dalam Kawasan TPIWP

- 3.3.1 Dilarang berkumpul dan berhimpun rapat. Amalkan penjarakan sosial selamat sepanjang berada di dalam perkarangan TPIWP.
- 3.3.2 Elakkan dari bersalaman dan bersentuhan sepanjang masa sehingga selepas keluar meninggalkan TPIWP.
- 3.3.3 Kekalkan jarak satu meter di antara setiap individu sewaktu berada bersama-sama pengunjung lain.
- 3.3.4 Ringkaskan segala aktiviti membaca doa sesuai dengan peruntukan masa yang diberikan.
- 3.3.5 Elakkan dari menyentuh apa-apa objek di dalam kawasan TPIWP tanpa keperluan.
- 3.3.6 Penggunaan tandas di TPIWP adalah tidak dibenarkan kecuali kecemasan. Jika perlu menggunakannya, tandas dan ruang sekitarnya hendaklah disanitasi selepas penggunaan.

3.4 Panduan Semasa Keluar Meninggalkan TPIWP

- 3.4.1 Pengunjung hendaklah segera bersurai meninggalkan TPIWP sebelum atau sebaik tempoh masa 15 minit yang diberikan tamat.
- 3.4.2 Keluar dengan tenang. Elakkan dari tergesa-gesa dan berpusu-pusu di pintu keluar TPIWP.
- 3.4.3 Sentiasa mengekalkan penjarakan sosial selamat sewaktu bergerak keluar meninggalkan TPIWP.

4. PENGUATKUASAAN GARIS PANDUAN

Garis Panduan Operasi Tanah Perkuburan Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini **berkuat kuasa mulai 13 Januari 2021.**

**PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**